



KOTOR...kolam takungan air di Taman Matahari Heights, Senawang.

Tak tahan kolam busuk

>>Oleh Nor Adila Ab Kadir

am@hmetro.com.my

SEREMBAN: Ratusan penduduk di Taman Matahari Heights, Senawang, di sini, mengeluh apabila terpaksa menghidu bau busuk setiap hari berpunca daripada sebuah kolam takungan air terbiar tanpa penyelenggaraan pihak bertanggungjawab sejak setahun lalu.

Disebabkan itu, pelbagai masalah timbul termasuk ia menjadi tempat pembiakan nyamuk dan keadaan itu jelas dilihat apabila kolam terbabit itu dipenuhi jentik-jentik, sekali gus mendatangkan bahaya kepada kesihatan penduduk.

Tinjauan Metroplus mendapati kawasan sekitar kolam terbabit didakwa milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri itu turut dicemari sisa buangan sampah dan ditumbuhi lalang.

Peniaga, Zawiyah Yaakob, 54, berkata masalah itu menyebabkan penduduk di taman berkenaan seramai lebih 600 orang sudah tidak tahan menghidu bau busuk daripada kolam terbabit.

"Keadaan persekitaran kolam kotor dan busuk mengundang rasa kurang senang kepada penduduk sehingga ada daripada kami tidak mempunyai selera untuk makan.

>LIHAT MUKA 2

Kawasan riadah tukar sarang nyamuk

>DARI MUKA 1

“Kolam terbabit sebelum ini sentiasa dibersihkan secara berkala oleh pihak bertanggungjawab, namun sejak setahun lalu ia terbiar dan tiada kerja pembersihan dibuat sehingga hari ini.

“Malah, keadaannya bertambah teruk apabila sampah-sarap memenuhi kawasan itu sehingga menyakitkan pemandangan,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Menurut Zawiyah, sebelum kolam itu ia dijadikan tempat beriadah, namun kini penduduk beralih ke tempat lain berikutan bimbang digigit nyamuk kerana kewujudan banyak jentik-jentik.

“Ia amat berbahaya kerana pernah ada penduduk



TERBIAR...kawasan sekeliling kolam dipenuhi lalang.

dijangkiti denggi baru-baru ini dipercayai berpunca daripada kolam itu,” katanya.

Bagi penduduk, Norhayati Ibrahim, 50, dia berharap pihak berkaitan membersihkan kolam terbabit supaya aktiviti riadah dapat dilakukan di situ.

“Bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku saya

berharap JPS membersihkannya daripada menjadi tempat pembiakan aedes.

“Sampah-sarap yang dibuang merata-rata di kawasan berkenaan juga boleh menjadi punca tempat pembiakan nyamuk dan menyebabkan pelbagai penyakit berkaitan seperti denggi,” katanya.